

JABATAN KEHAKIMAN MAHKAMAH PERSEKUTUAN  
KUALA LUMPUR.

Bil: (64) dlm. JK/IP 39/54-U

Tarikh: 10hb November, 1981

Semua Penolong Kanan Pendaftar/Penolong Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi, Tanah Melayu.

Tuan/Puan,

Pekeliling Pendaftar (U) Bil. 14 Tahun 1981  
KES-KES PENGAMBILAN BALIK TANAH  
(*Land Acquisition Cases*)

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa Y.A.M., Hakim Besar, Mahkamah Tinggi Tanah Melayu telah menetapkan Y.A. Tuan Hakim Abdul Razak Bin Datuk Abu Samah untuk membicara dan menyelesaikan kes-kes pengambilan balik tanah di seluruh Semenanjung Malaysia. Ini adalah kerana didapati masih banyak kes-kes berkenaan yang masih menunggu perbicaraan dan terdapat kelambatan dalam penyelesaian kes-kes itu.

Untuk tidak mengganggu persidangan-persidangan biasa Mahkamah-Mahkamah Tinggi, usaha sedang dibuat untuk mendapatkan tempat-tempat yang sesuai untuk dijadikan bilik bicara di setiap tempat di mana terdapat Mahkamah Tinggi. Jika di sesuatu tempat itu bilik bicara khas itu tidak diperolehi, maka terpaksa digunakan bilik bicara Mahkamah Tinggi di tempat itu.

2. Jadual persidangan akan dibuat dan tuan/puan akan diberitahu kelak.

3. Semua Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar adalah diminta memaklumkan pentaksir-pentaksir (assessors) tentang keputusan ini. Apabila tarikh-tarikh perbicaraan telah ditetapkan kelak, adalah menjadi tanggungjawab setiap Penolong Kanan Pendaftar dan Penolong Pendaftar di Mahkamah berkenaan untuk mendapatkan pentaksir-pentaksir itu.

4. Kerjasama semua pihak yang terlibat adalah amat penting untuk menentukan bahawa kes-kes itu dapat ditetapkan untuk dibicarakan dan dapat berjalan tanpa sebarang penangguhan.

SITI NORMA YAAKOB  
Ketua Pendaftar.

Bil: (19) dlm. JK/IP 91/50

Tarikh: 12hb. November, '81

Semua Penolong Kanan Pendaftar/Penolong Pendaftar,  
Mahkamah Tinggi, Tanah Melayu.